

## **Dr Mahathir Ragui Malaysia Akan Jadi Negara Maju Menjelang 2020**

**MStar**

**April 23, 2015**

**Oleh Victoria Brown & Michelle Tam**

**KUALA LUMPUR:** Bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai keraguan mengenai Malaysia akan mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Menjelang 2020, saya fikir kita akan mempunyai pendapatan per kapita, tetapi kita tidak akan menjadi negara maju," kata Dr Mahathir pada Sidang Kemuncak Blogger dan Media Sosial Dunia di sini, Khamis.

"Saya membuat kesilapan pada 1991 apabila saya melancarkan Wawasan 2020 di mana saya hanya membuat seruan untuk Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020, dan saya tidak menjelaskan apakah negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia perlu membuat acuan kita sendiri tentang negara maju, bukannya meniru apa yang dilakukan negara lain.

"Ia bukan sekadar mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau pendapatan per kapita, ini sahaja tidak bermakna kita maju.

"Jika dikatakan sebegitu, negara-negara lain seperti Arab Saudi dan Brunei dilihat sebagai negara maju," katanya.

Beliau percaya sebuah negara maju bermaksud mempunyai keupayaan industri untuk mengeluarkan produk teknologi terbaharu, memiliki rakyat yang berpendidikan, dan mempunyai sebuah negara yang memahami konsep demokrasi.

"Kita perlu maju dalam semua aspek. Kita mesti mempunyai peradaban, keadilan dan demokrasi yang baik," tambah bekas perdana menteri.

**Hakcipta Terpelihara © 2015 Star Publications (M) Bhd (Co No 10894-D)**

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/04/23/tun-m-2020/>